

Abdullah lancar penerbitan Semula *Utusan Melayu*

KEPALA BATAS 4 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini melancarkan penerbitan Semula *Utusan Melayu Mingguan* yang dihentikan penerbitan pada 29 Januari lalu.

Sehubungan itu Perdana Menteri mahu semua pihak memberikan sokongan kepada usaha menerbitkan satu-satunya akhbar jawi itu sebagai warisan bangsa.

"Dengan semangat mahu mempopuler dan memulihkan tulisan jawi, dikeluarkan *Utusan Melayu* dalam tulisan jawi. *Utusan Melayu* bukan untuk orang Melayu sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Skim Simpanan Pendidikan Nasional dan pelancaran sisipan akhbar *Utusan Melayu Mingguan* di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Kebuda-

***Utusan Melayu* bukan untuk orang Melayu sahaja**

yaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamad; Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd, dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Kepala Batas, Ahmad Darus.

Utusan Melayu yang dihentikan penerbitannya 29 Januari lalu, diterbitkan semula pada 1 Mei dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Pelajaran.

Utusan Melayu Mingguan yang diterbitkan setiap Isnin, padat dengan rencana-rencana menarik di

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

samping ruangan baru yang lebih segar untuk memenuhi cita rasa pembaca.

Abdullah berharap penerbitan semula akhbar itu menjadi satu kejayaan kepada *Utusan Melayu* sebagai akhbar yang telah lama.

Beliau juga mahu penampilan *Utusan Melayu* mampu menarik lebih banyak pembaca seperti *Utusan Malaysia*.

"Orang kita sebenarnya mahu beli satu surat khabar sahaja yang banyak berita, apa juga maklumat, cerita, rencana dan sebagainya, sesetengah orang tak boleh (beli) dua akhbar, satu jadilah," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut mengumumkan penajaan 5,000

naskah *Utusan Melayu Mingguan* setiap minggu untuk setahun oleh Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang.

Tajaan Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang itu disampaikan Abdullah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri kepada Khalid.

Ia menjadikan UMNO Pulau Pinang negeri kelima membuat tajaan itu selepas Johor, Terengganu, Melaka dan Negeri Sembilan.

Pergerakan Pemuda UMNO Kepala Batas pula menaja *Utusan Melayu Mingguan* dengan nilai RM10,000.

Naib Ketua Pemuda UMNO Bahagian Kepala Batas, Reezal Merican Naina Merican menyampaikan sumbangan Pemuda UMNO bahagian itu kepada Pengarang *Utusan Melayu Mingguan*, Azman Anuar.